# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 15 | RABU 12HB. APRIL, 1978. | 1398 رابو 4 جماديالاخير | PERCHUMA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah menganugerahkan Bintang Kebesaran Negeri Brunei, Darjah Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — DSLJ kapada Lt. Col. J.A.P. de-Candole (gambar atas) dalam satu Istiadat pengorniaan yang di-adakan di-Istana Darul Hana pada hari Sabtu, 8hb April.

Lt. Col. Dato Seri Laila Jasa J.A.P. de-Candole ia-lah bekas Pegawai Turus Agong Satu pasokan AMDB. Beliau telah berlepas meninggalkan Brunei pada hari Isnin sa-telah menamatkan perkhidmatan-nya sa-lama dua tahun dengan pasokan itu.

Hadhir di-Istiadat tersebut ia-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan Pemerentah AMDB, Col. Dato Norman Roberts.

# GUNAKAN PELUANG DALAM MEMAHAMI MAKSUD AL-KOR'AN — P.U.S.B.



Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa ketika beruchap di-majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai dan umat Islam di-negeri ini di-seru untok menggunakan sa-penoh-nya peluang yang di-berikan dalam memahami isi kandongan maksud wahyu yang termuat dalam Al-Kor'an menerusi media Kerajaan.

Kerana itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus menerus dengan tidak kendur2-nya dalam mengusahakan dan mengikhtiarkan ranchangan memberikan makna dan tafsir Al-Kor'an menerusi Jabatan Hal Ehwal Ugama.

"Dalam hubongan ini, ranchangan2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia dibidang ugama ada-lah memang sa-wajar-nya mendapat tempat serta perhatian yang istemewa dalam mana2 media Kerajaan termasok radio dan talivishen".

Ini telah di-tegaskan oleh Yang Teramat Berhormat, Penasihat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa ketika beruchap di-majlis khatam Al-Kor'an di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini malam Khamis minggu lepas.

Dalam majlis yang telah di-adakan sempena tamatnya bachaan Al-Kor'an 30 juz bagi ranchangan 'Al-Kor'an dan Kesimpulan makna-nya' di-Talivishen Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja menambah-kata, memang sudah sewajar-nya kita sama2 berharap dan ingin menjayakan ranchangan2 Kerajaan bagi mendatangkan sa-banyak2 faedah dan munafaat kapada raayat dan pendudok negeri ini.

Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom menjelaskan ranchangan 'Al-Kor'an dan Kesimpulan Makna-nya' yang di-siarkan menerusi perkhidmatan Talivishen Brunei sejak tiga tahun lalu itu telah memberikan peluang kapada umat Islam di-negeri ini serta penunton2 negeri jiran dalam mengikuti makna dan tafsir Al-Kor'an.

"Tidak shak lagi usaha bagi menjayakan ranchangan tersebut sangat-lah besar erti-nya dan telah di-ungkayahkan dengan semangat kerjasama yang

Lihat muka 12

## PERJANJIAN DI-TANDA-TANGANI

# Menjadikan K'jaan/Shell rakan sa-imbang dlm. pemasaran hasil minyak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu upachara menanda-tangani dan menyerahkan surat perjanjian perusahaan minyak dan gas di-negeri antara Kerajaan Brunei dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah di-adakan di-Bilek Gerakan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pagi Khamis minggu lepas.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin telah menanda-tangani perjanjian tersebut bagi pehak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sementara bagi pehak Shell pula telah di-wakili oleh Dato John Cordingley, Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Satu kenyataan rasmi yang di-keluarkan sa-telah upachara itu menyatakan, perjanjian tersebut di-buat ada-lah bagi menyelaraskan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam membuat penyertaan yang aktif di-bidang perusahaan minyak dan gas negeri ini.

Dengan termeteri-nya perjanjian itu juga telah menjadikan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia rakan yang sa-imbang (equal partners) dengan Shell di-dalam sharikat yang memasarkan hasil2 minyak, minyak pelinchir dan bahan2 kimia di-seluroh negeri.

Sa-bagai menandakan penyertaan yang baru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Lihat muka 12



Dato John Cordingley kelihatan menyerahkan surat perjanjian kapada YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin. Memerhati di-sebelah kanan ia-lah YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.

# Denda berat di-kenakan kpd. pemandu2 yg. chuai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Langkah2 baru dalam usaha mengurangkan kemalangan jalanraya sedang di-ambil. Langkah2 itu termasok-lah mengenakan denda yang lebeh berat kapada pemandu2 yang melanggar undang2 dan peratoran lalu-lintas jalanraya. Langkah2 baru itu ada-lah pindaan kapada Akta Undang2 Jalanraya yang lama dan ia-nya memberikan kuasa kapada mahkamah untok mengharamkan dari memandu ka-atas mereka yang melakukan kesalahan2 lalu-lintas.

Menurut peratoran baru itu, sa-barang pemandu yang mengakibatkan kematian kerana kechuaian memandu akan di-hadapkan ka-Mahkamah Kelas Satu di-samping keputusan dari Mahkamah Tinggi.

Denda2 bagi kesalahan Kompound juga akan di-naikan dari $25.00 kapada $50.00. Kesalahan2 di-majistret terpaksa mengharamkan pemandu2 dari memandu sekurang2-nya tiga bulan termasok-lah memandu dengan laju bagi kesalahan yang kedua dan memandu dengan merbahaya yang menyebabkan kematian. Kesalahan memandu dengan chuai yang berulang-ulang akan juga terpaksa di-gantongkan dan di-haramkan dari memandu.

Kebiasaan-nya pemandu2 yang bersalah telah di-haramkan dari memandu atau di-denda sahaja, tetapi mengikut undang2 baru ini, pehak mahkamah ada-lah di-mestikan untok menjatohkan hukuman tersebut.

Pada tahun lepas, sa-banyak 12,000 pemandu telah membayar kesalahan kompound dan 5,500 orang lagi di-denda kerana menjalankan kereta terlalu laju dan 1,300 orang di-dakwa kerana memandu dengan chuai. Di-masa2 yang akan datang, pemandu2 yang di-dapati bersalah kerana melanggar undang2 lalu-lintas akan menghadapi penggantongan lesen memandu di-samping denda.



Kelihatan Awang Abdullah Sunny bin Haji Bakar sedang menyampaikan uchapan terima kaseh-nya kapada rakan2-nya kerana mengadakan majlis perpisahan kapada beliau yang akan bersara. Dudok di-tengah2, Pengawal Pasokan Bomba Brunei, Awang D. Faulkner dan di-sebelah kanan sekali ia-lah Timbalan Pengawal Pasokan Bomba, Awang Ya'akub bin Haji Mohd. Yusoff.

# BERSARA DARI PEGAWAI BOMBA JADI KETUA KAMPONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis perpisahan Penolong Pegawai Bomba, Awang Abdullah Sunny bin Haji Bakar telah di-adakan di-Ibu Pejabat Balai Bomba di-sini minggu lalu kerana mera'ikan beliau yang akan bersara dari jawatan-nya sekarang. Beliau akan menjawat jawatan sa-bagai Ketua Kampong Sungai Pandan 'B'.

Berusia 44 tahun, Awg Abdullah Sunny telah berkhidmat dengan Jabatan Bomba sa-lama 22 tahun. Beliau menguchapkan terima kaseh kapada rakan2 sejawat-nya kerana kesudian mereka mengadakan majlis perpisahan sa-bagai tanda kenang2an yang tidak mudah di-lupakan-nya.

Beliau menyatakan kapada wakil Pelita bahawa yang mendorong-nya untok bersara kerana beliau telah di-chalonkan sudah tiga kali untok menjadi Ketua Kampong Sungai Pandan 'B' dan buat kali ke-empat-nya, beliau bersetuju.

"Sa-laku Ketua Kampong nanti, saya berazam untok memimpin anak2 kampong ka-arah kemajuan serta menumpukan ta'at setia kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia", jelas-nya.

Kata-nya, kapada anak2 kampong yang akan dipimpin-nya supaya bermufakat, saling faham memahami dan sama2 membisaikan suasana kampong di-samping bekerjasama pada mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

Beliau menguchapkan terima kaseh kapada Kerajaan atas keperchayaan dan amanah yang telah di-berikan kapada-nya, sunggoh pun ia-nya merupakan tanggong-jawab yang agak berat.



Pengawal Pasokan Bomba, Awang D. Faulkner sedang menyampaikan chenderamata kenang2an bagi pehak rakan2 beliau kapada Awang Abdullah Sunny dalam majlis perpisahan tersebut.

# Terima Diploma Kewartawanan

AWANG Haji Ahmad bin Arshad (di-tengah2) bersama rakan2 sekursus-nya terdiri dari 11 buah negeri di-Asia, Afrika dan Timor Tengah, bergambar ramai sa-jurus sa-telah menerima Diploma lanjutan kewartawanan dalam satu upachara khas yang telah di-langsongkan di-Bangunan Pusat Akhbar Antarabangsa, Fleet Street, London awal bulan ini.

Bergambar bersama mereka ini ia-lah Pengerusi Dermasiswa Yayasan Thomson (di-tengah2) dan Lembaga Pengarah Pendidekan serta pensharah2 pengajian kewartawanan yayasan itu.

Sa-bagai Pembantu Akhbar di-Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Awang Haji Ahmad telah berlepas ka-United Kingdom dalam bulan Oktober lalu untok mengikuti kursus tersebut sa-chara intensif di-Yayasan Thomson, Cardiff, Wales sa-lama empat bulan. Terdahulu dari itu beliau telah mengikuti kursus Bahasa Inggeris kewartawanan sa-chara intensif sa-lama 10 minggu di-Pusat Pengajian Bahasa Inggeris di-Colchester Essex.

Ini-lah kali kedua Awang Haji Ahmad mengikuti kursus di-luar negeri. Kali pertama dalam tahun 1974, ketika mengikuti kursus pengendalian akhbar di-Kumpolan Straits Times di-Singapura.



# Pesta ria di-Pekan Bangar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei akan menganjorkan Temasa Pesta Ria bertempat di-Dewan Ria Pekan Bangar pada hari Sabtu 15hb April mulai jam 7.30 malam.

Beberapa achara yang menarek akan di-persembahkan pada malam itu. Ini termasok-lah persembahan2 nyanyian, lawak jenaka, terima-lah sampul surat dan sa-jenak bersama awda. Di-samping itu tarian2 asli dan moden juga akan di-persembahkan dalam pesta itu.

Orang ramai khas-nya pendudok2 di-Daerah Temburong ada-lah di-persilakan untok menyaksikan temasha tersebut.

# Pindah ka-Pejabat baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Letak Kereta Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah berpindah ka-bangunan bekas Pejabat Pendaftaran Kebangsaan Brunei di-Jalan Kianggeh pada hari Khamis, 6hb April lalu. Mulai hari itu semua urusan pembayaran meletak kereta mesti-lah di-buat di-pejabat-nya yang baru itu.

# Peraduan Berbalas Pantun dan Kuiz Sekolah2 Menengah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak tujoh buah Sekolah Menengah Kerajaan aliran Inggeris dan Melayu akan menyertai Peraduan Berbalas Pantun Melayu kali ke-empat yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran.

Peraduan yang di-bahagikan kapada lelaki dan perempuan itu ada-lah bagi melayakkan pasokan2 tersebut memenangi ka-perengkat akhir Peraduan Berbalas Pantun Melayu Sekolah2 Menengah tahun ini.

Bahagian lelaki Sekolah Inggeris Berakas akan bertemu dengan Maktab SOAS (S) sementara SMM. Sultan Hassan, Bangar pula akan bertemu dengan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

Dalam bahagian perempuan, Sekolah Inggeris Berakas sa-kali lagi melayakkan diri-nya di-perengkat tiga suku akhir untok bertemu dengan Pusat Tingkatan Enam dan STPRI pula akan bertemu dengan SMM. Bendahara Sakam Bunut.

Kesemua peraduan tersebut akan di-adakan pada 13hb April ini bertempat di-dua buah pusat pertandingan; SMM. Muda Hashim, Tutong dan SMM. Mohammad Alam, Seria. Perengkat akhir peraduan akan di-langsongkan di-Sekolah Inggeris Berakas pada tarikh peraduan yang belum di-tetapkan.

Sementara itu bagi Peraduan Kuiz Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Kerajaan pula perengkat akhir akan di-adakan pada 13hb April ini bertempat di-SM. SMJA. Sa-banyak dua buah sekolah telah berjaya ka-perengkat akhir peraduan ia-itu SMM. Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Maktab SOAS (J).

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 15hb. hingga 19hb. April, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 15.4.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 15.4.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 " |
| Sekolah Melayu Lamunin | 15.4.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 " |
| Berakas English School (Bahagian Rendah) | 17.4.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 " |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 17.4.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 " |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 18.4.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 18.4.1978 | Selasa | 10.30–11.30 " |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 19.4.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 " |
| Sekolah Melayu Serasa | 19.4.1978 | Rabu | 10.00–10.30 " |
| Sekolah Melayu Mentiri | 19.4.1978 | Rabu | 10.45–11.15 " |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 19.4.1978 | Rabu | 11.30–12.00 T/hari |



The Mentri Besar (centre) during the signing ceremony. Sitting next to him on his right are Dato Cordingley and other Shell officials while on his left can be seen the Attorney-General YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas and the State Financial Officer, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

# EQUAL PARTNERS IN MARKETING COMPANY

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government and Brunei Shell signed an Agreement at a ceremony here last Thursday making them equal partners in the Shell Marketing Company of Brunei Limited.

This is in keeping with the Government's policy of active participation in the State's oil and gas industry.

The Company markets peroleum products, lubricants and chemicals throughout the State.

At the signing ceremony, the Mentri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin signed the Agreement on behalf of the Government and the Managing Director of Brunei Shell Petroleum Company, Dato John Cordingley, signed on behalf of Shell.

To mark the new participation, His Highness the Sultan and Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah has given his consent for the name of the Company to be changed from "The Shell Marketing Company of Brunei Limited" to "Brunei Shell Marketing Company Limited".

As a consequence of this further participation, the Government is now involved in all facets of the oil and gas industry in Brunei.

An important part of business of the Company is the marketing of petroleum products through the existing fifteen filling stations.

Plans are now in hand to improve the facilities offered by these filling stations and to provide more stations in order that the Company and its dealers can give the public a better standard of service and meet the increasing demand for such products within the State.

## Vacancies for Constables

JALAN MUARA. — The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry to the Force as constables.

Successful applicants will undergo a six-month recruit training at the Police Training Centre here beginning in early June.

Applicants must be Brunei subjects, bachelors or married between the ages of 18 and 28, at least 5' 2" in height and be physically and mentally fit.

The minimum requirement for entry to the Force is Standard VI Malay or English.

The starting salary of a recruit is $325.00 a month plus $100.00 allowance.

Basic salary and allowance arises to $525.00 on completion of training.

Applicants should attend for interview by the Recruiting Officer at the following places: —

Bandar Seri Begawan Police Station on Monday April 17 at 8.00 am and 2.00 pm.

Tutong Police Station and Lamunin Police Station on Tuesday April 18 at 9.00 am and 2.00 pm respectively.

Kuala Belait Police Station and Seria Police Station on Wednesday April 19 at 9.00 am and 2.00 pm respectively.

Temburong Police Station on Thursday April 20 at 9.00 am and 2.00 pm.

Bandar Seri Begawan Police Station on Saturday April 22 at 8.00 am and 2.00 pm.

Tutong Police Station and Lamunin Police Station on Monday April 24 at 9.00 am and 2.00 pm respectively.

Kuala Belait Police Station and Seria Police Station on Tuesday April 25 at 9.00 am and 2.00 pm respectively.

Temburong Police Station on Wednesday April 26 at 9.00 am and 2.00 pm.

# FADP-D JACKET LAUNCHED

SERIA. — Work on the installation of the FADP-D jacket, the giant oil drilling platform, at Fairley field some 23 miles offshore is now in progress.

The jacket which was loaded onto the barge 'Oil Launcher' and towed by several vessels out of the Belait River on Tuesday arrived at Fairley field early on Thursday morning.

Before mid-day, the Drilling Barge, DB-26, arrived on location from Champion and preparations for the installation which included running of anchors, checking of valves, slings, winches and starting up of pumps for the trimming of the 'Oil Launcher' started immediately.

At about 1.00 a.m. on Friday, the jacket was tilted and launched at a distance of 1,000 feet from DB-26.

After launching, the floating jacket was pulled to DB-26 and hooked up to the crane for up-ending which was made possible by opening the valve and flooding the jacket legs.

After up-ending, the jacket was set at its exact location and pile-driving started.

When pile-driving is completed, the installations of two sub-sea lines will follow and DB-26 will resume work to complete the installation of conductors, celler deck, main deck and fenders.

The jacket weighing nine hundred and fifty tons and two hundred and twenty-five ft tall is the biggest ever drilling platform built in Brunei.

It will be standing in a water depth of two hundred and ten feet and will start operations in August.

It is expected to drill eight gas wells and seven oil wells.



The FADP-D jacket, hooked up to the crane aboard the Drilling Barge DB-26, being positioned for setting on the seabed.

## Junior badminton tourney

BANDAR SERI BEGAWAN.—The annual Junior Badminton Tournament will be held at the Youth Centre here starting on May 1.

The tournament, the second to be organised by the Welfare, Youth and Sports Department, is open to youths between the ages of fourteen and twenty.

Those interested to take part should get the entry forms now available from the department and the Youth Centre.

The forms must be returned not later than April 20.

## Civic Course for non-gov't. employees

BANDAR SERI BEGAWAN. — About a hundred non-government employees will attend a four-day civic course on Manpower Guidance at the Youth Centre here from April 23 to 26.

The course, the theme of which is "Self-Reliance As The Basis of Development", is being jointly organised by the Information Section of the State Secretariat and the Labour Department.

## Fire exercise

SERIA.—The Government and Brunei Shell's fire services held a joint fire exercise at the Brunei Shell's refinery here last Thursday morning.

A statement issued by Brunei Shell said the objectives of the exercise were:

To check on the progress made in respect of the difficulties experienced in communications during the previous exercise held at the Seria Terminal.

To prove out the adequateness or otherwise of the refinery fire water system and access roads for large firefighting appliances and,

To test the degree of efficiency existing within the BSP and State Fire Brigade in coping with this type of emergency and establish the length of time required before the incident may be considered to be under control.

# Stiffer penalties in store for traffic offenders

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government is introducing emergency measures to impose stiffer penalties on traffic offenders in the State.

The new measures follow last year's massive rise in the number of road accidents and driving offences in the country.

The measures are in the form of amendments to the existing Road Traffic Enacment that will make it compulsory for bans to be palced on persons found guilty of dangerous and careless driving and on those convicted more than once for speeding.

Repeated cases of careless driving causing death by dangerous driving may also earn the drivers compulsory suspension and disqualification of their driving licences.

The fee for compounding offences will also be increased from twenty-five dollars to fifty.

Last year about twelve thousand drivers paid compound fees for minor violations, but five and a half thousand appeared in courts for more serious offences.

# UGAMA ISLAM RAHMAT DAN NEKMAT DARI ALLAH s.w.t.




**UKORAN berugama yang betul ia-lah menumpukan usaha kapada amal2 kebajikan dan ibadat. Ibadat ada-lah satu disiplin bagi menimbulkan kepatohan dan kesanggupan berbakti, walau pun ada kala-nya mengorbankan kepentingan2 diri sendiri demi sa-mata2 kerana menchari keredhaan Allah. Juga dengan kata lain, tujuan ibadat ia-lah untok mendampingkan diri kapada Allah serta untok menimbulkan kesan2 yang mustahak kapada akhlak dan masharakat.**

Ibadat ada-lah satu disiplin yang menyatukan ugama dan hidup. Kerana itu, akan terjadi pengasingan antara ugama dan hidup bagi orang2 yang mengabaikan ibadat. Bukan sahaja sa-takat itu, bahkan ada yang sampai mengechil2kan ugama, hingga ada misal-nya orang2 yang menganggap mempelajari ugama itu tidak penting, mengaji Al-Kor'an tidak perlu, dan sembahyang biar-lah bagi yang tua2 sahaja dan lain2 lagi. Tidak juga sukar di-dapati dalam masharakat hari ini orang2 yang menjadikan ugama itu sa-bagai bahan ketawa dan senda gurau. Pada hal mereka juga mungkin tahu, bahawa anggapan dan sikap yang sa-umpama ini amat-lah merbahaya kapada aqidah sa-seorang itu.

Kita telah menjadikan slogan yang manis dan indah, bahawa kita mahu menjadikan Islam itu sabagai chara hidup kita yang lengkap. Tetapi pendekatan kita kapada apa yang di-maksudkan dengan chara hidup itu kebanyakan dari kita maseh lagi kabur, dan mungkin ada yang belum faham langsong. Ada yang menganggap chara hidup yang akan kita tuju itu hanya-lah chara kenduri-kendara, majlis2 kahwin, khatam Al-Kor'an, tahlil, sembahyang2 jenazah, jumaat dan hari raya sahaja. Suka kita tegaskan, bahawa kalau inilah saja chara hidup Islam itu, bermaana tidak boleh di-katakan lengkap. Tetapi yang benar-nya, ia-lah amat luas, meliputi dudok berdiri kita, bangun dan jaga kita, makan dan minum, berkahwin dan bercherai dan berpakaian. Pendek-nya chara hidup itu ia-lah segala ranting chabang dan pokok keolahan kita orang2 Islam, samada yang dudok di-rumah, di-pejabat, di-sekolah, di-pasar dan bahkan di-mana2 sahaja. Sa-bagai misal, dalam perkara makan minum disamping ia-nya harus berseh pada zahir juga ia di-wajibkan supaya terdiri dari yang halal. Pakaian bukan sebarang pakaian, tetapi di-wajibkan menutop aurat, samada lelaki atau pun perempuan. Demikian juga dalam perkara yang lain2, yang pendek-nya tiap2 apa jua yang ada hubongan dengan keadaan orang hidup, yang tidak terbatas dalam lengkongan diri sendiri dan keluarga sahaja, bahkan dalam semua chara bernegara dan bermasharakat. Itu-lah dia ugama Islam, Ugama yang lengkap lagi sempurna.

Mari-lah kita dengan bersunggoh2 memelihara ugama kita yang maha suchi. dengan jalan kita sama2 mengamalkan chara2 hidup yang di-anjorkan-nya. Ugama Islam ada-lah rahmat dan nekmat yang maha besar daripada Allah. Kita harus ingat, bahawa bukan semua orang dalam dunia ini di-takdirkan oleh Allah berugama Islam, bahkan bapa dengan anak pun, jika Allah menghendaki-nya boleh berlainan ugama. Saperti misal-nya anak kapada Nabi Allah Noh a.s. sendiri telah mati dalam kafir, kerana Allah tidak mentakdirkan-nya berugama Islam, atau tegas-nya tidak mengorniakan kapada-nya rahmat dan nekmat Islam itu. Perkara ini patut-nya dapat kita jadikan tauladan dan pengajaran, bahawa ugama Islam itu rupa2-nya bukan-lah sebarang orang yang boleh mendapat-nya. Ia ada-lah suatu korniaan daripada Allah, suatu hidayat kekal yang akan membawa kita kapada kebahagiaan dunia dan akhirat.

Kalau kita di-hadiahkan sa-buah kerita baru, bagaimana pun besar dan mahal-nya, paling tahan umor-nya barangkali hanya 10 hingga 15 atau 20 tahun. Atau kita di-korniakan sabuah rumah yang chantek dan modern, paling lama umor-nya mungkin dari 50 hingga 100 tahun sahaja. Tetapi kita di-hadiahkan dengan ugama Islam, sudah terang, hadiah ini kekal dan merupakan tiket atau lesen untok kita mendapat shorga di-hari kandila kelak. Dan shorga itu umor-nya bukan-lah umor kerita atau rumah, tetapi umor yang tidak ada batas dan perangan-nya.

# Lemah-lembut jambatan kemesraan umat

**AJARAN Islam menyarankan supaya kita bersifat lemah-lembut. Kerana lemah-lembut itu ada-lah salah satu daripada sifat2 yang terpuji, di-mana ia merupakan jambatan yang menghubongkan chinta kaseh dan kemesraan antara jiwa ka-jiwa; pada mengujukan suasana yang harmoni dalam rumah-tangga dan dalam masharakat.**

Lemah-lembut dalam erti-kata yang luas ada-lah menchakop sifat2 kebijaksanaan dalam berbichara, tidak salarah2-nya melakukan tindakan, pengaseh dan penyayang, bersikap toleransi, pemaaf, manis muka, suka menolong dan memberi kerjasama pada perkara2 kebaikan.

Sifat2 yang sedemikian itu ada-lah rahsia kekuatan umat. Dari itu mustahak-lah ia di-jadikan amalan dan hiasan oleh sa-tiap individu muslim dalam hidup-nya sa-harian.

Dalam bidang perniagaan — peniaga2 akan meningkat lebeh maju jika mereka ada memileki sifat lemah-lembut ini. Kerana sifat ini-lah pembeli2 dan pelanggan2 akan tertarek hati — menjadikan barang2 jualan akan laris sa-hingga mendatangkan keuntongan yang lumayan.

Demikian juga hal-nya bagi kita umat Islam seluroh-nya; dengan sifat itulah (lemah-lembut) kita akan memperoleh kejayaan yang besar dalam melaksanakan tugas2 murni pada mengajak manusia berbakti kapada Allah s.w.t. Dalam konteks ini Allah ada menerangkan dalam Surah Ali Emran ayat 159 yang membawa maksud lebeh kurang:

*"Ada-lah sa-bahagian rahmat Tuhan, engkau bersikap lemah-lembut kapada mereka dan kira-nya engkau berbudi kasar dan berhati bengis, tentu-lah mereka akan lari dari keliling mu, sebab itu maaf-kan-lah mereka dan pohon-lah ampun untok mereka dan bermashuarat-lah dengan mereka dalam beberapa urusan".*

Dalam sejarah memang telah terbokti bahawa Nabi Muhammad s.a.w. telah mempraktikkan sifat2 itu; Baginda sentiasa bersikap lemah-lembut dalam pergaulan-nya dengan keluarga-nya, sahabat2-nya, maupun dalam menghadapi Mushrikin Quraish, bahkan dalam menghadapi musoh2 ketat-nya yang lain sekali pun, saperti Abu Jahal dan Abu Lahab yang paling popular menyakiti-nya itu.

Di-samping itu Baginda s.a.w. juga sa-orang yang pemaaf. Sa-bagai chontoh, pernah sa-orang Yahudi menagih hutang kapada Baginda dengan kasar — tetapi di-sambut dan diterima oleh Baginda dengan lemah-lembut, akhir-nya orang Yahudi itu terus masok Islam.

Dari keterangan di-atas tadi, dapat-lah kita fahamkan bahawa ada-lah salah kalau ada orang mengatakan sifat lemah-lembut itu hanya sesuai pada kaum wanita, kalau laki2 bersifat demikian di-anggap sa-bagai orang yang tidak boleh di-harap, penakut dan saumpama-nya. Sedangkan konsep lemah-lembut yang sa-benar-nya menchakop segala sifat2 yang terpuji — pada mengujudkan suasana hidup yang harmoni.

Maka kita perchaya, kemusnahan pada memperaktikan chiri2 yang terkandong dalam erti-kata lemah-lembut itu terdapat hekmat2 tertentu dan tidak harus di-ragukan.

## Bingkisan minggu ini

## Memelok Ugama Islam



GAMBAR di-atas, Beja anak Jamal berusia 31 tahun yang kini di-kenali sa-bagai Norazizah bte Abdullah telah menjalani pengIslaman-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Hj. Ismail bin Matserudin bertempat di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam Bandar Seri Begawan, pada 25hb. Mach, 1978.



PENASEHAT Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa (kiri sekali) bersama2 dengan lain2 pegawai kanan Kerajaan ketika hadhir di-Majlis Khatam Al-Koran yang telah di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan pada hari Khamis lalu.

Majlis tersebut di-adakan bersempena selesai-nya 30 juz Al-Koran di-bacha dan di-berikan kesimpulan maana-nya yang di-siarkan di-TV Brunei sejak bulan Ogos 1975.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12hb April, 1978 hingga ka-hari Selasa 18hb April, 1978, ada-lah saperti dibawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12hb April | 12.27 | 3.42 | 6.32 | 7.44 | 4.45 | 4.59 | 6.14 |
| 13hb April | 12.27 | 3.42 | 6.32 | 7.44 | 4.45 | 4.59 | 6.14 |
| 14hb April | 12.27 | 3.42 | 6.32 | 7.44 | 4.45 | 4.59 | 6.14 |
| 15hb April | 12.27 | 3.42 | 6.32 | 7.44 | 4.45 | 4.59 | 6.14 |
| 16hb April | 12.26 | 3.41 | 6.31 | 7.43 | 4.44 | 4.58 | 6.12 |
| 17hb April | 12.26 | 3.41 | 6.31 | 7.43 | 4.44 | 4.58 | 6.12 |
| 18hb April | 12.26 | 3.41 | 6.31 | 7.43 | 4.44 | 4.58 | 6.12 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# DAN tv BRUNEI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

### RABU — 12HB. APRIL,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE NEW TOM AND JERRY SHOW
6.28 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — "The Great Alligator"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 VAN DER VALK — "Gold Plated Delinquents". Satu siri baru dengan Barry Foster sa-bagai penyiasat Belanda yang selalu menyelesaikan kejadian2 yang luar biasa.
8.00 DOCTOR AT LARGE — "Cynthia Darling".
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJLIS PERBINCHANGAN
9.15 SHOW OF THE WEEK : "John Denver In Concert"
10.05 PERLAWANAN GUSTI
11.00 SIARAN TAMAT.

### KHAMIS — 13HB. APRIL,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SPENCER'S PILOTS — "The Code"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 SPENCER'S PILOTS — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 OREGON TRAIL — "The Wagon Race" Di-bintangi oleh Rod Taylor sa-bagai Evan Thorpe dan Charles Napier sa-bagai Luther Sprague.
8.00 PLAIN SAILING — "Barbican"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HIDAYAT
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU : "Raja Bersiong"
11.15 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 14HB. APRIL,

PETANG :
5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Chuacha"
5.30 HERE'S MUMFIE — "Mumfie and The Haunted House"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 MURAI
6.30 SKIPPY THE BUSH KANGAROO "Aunt Evelyn"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 SKIPPY THE BUSH KANGAROO — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 ANNE MURRAY IN CONCERT
8.00 ARE YOU BEING SERVED — "Oh What a Tangled Web".
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 SURVIVAL SPECIALS "The Richest Sea In The World" Dokumentari minggu ini memperlihatkan Gulf Of California yang kaya dengan penghidupan di-dasar lautan.
10.00 MYSTERY MOVIE : Lanigan's Rabbi "The Cadaver in the Clutter"
11.30 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 15HB. APRIL,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 SESAME STREET — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE NEW AVENGERS "The Gladiators"
8.00 DISCO 77
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 BISTARI
9.15 BOLA SEPAK
10.05 TAYANGAN MALAM SABTU "This is the West That Was" Filem ini di-bintangi oleh Ben Murphy sa-bagai Wild Bill Hickok dan Kim Darby sa-bagai Calamity Jane.
11.45 SIARAN TAMAT.

### AHAD — 16HB. APRIL,

PETANG :
5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Bermain Di-lopak2".
5.30 THE MAGIC BALL — "The Flying Carpet"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 NEW SCOOBY DOO — "A Frightened Hound Meets Demons Underground"
6.28 DON'T ASK ME
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 DON'T ASK ME — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 SIX MILLION DOLLAR MAN — "Return Of The Death Probe" Bahagian kedua.
8.00 PRIVATE LIVES — "The Fox" Memulakan siri baru dokumentari mengenai penghidupan liar. Filem minggu ini yang mengambil empat tahun untok di-siapkan memperlihatkan dengan dekat sa-ekor musang.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 PUSPARAGAM
9.45 THE MONEY CHANGERS — Bahagian ketiga.
11.00 THAT'S HOLLYWOOD Meneruskan siri dokumentari mengenai pemandangan Hollywood.
11.30 SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 17HB. APRIL,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE ROVERS — "Secret of Aroora-Hittee"
6.28 BIG BLUE MARBLE
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 BIG BLUE MARBLE — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 CHIPS — "Green Thumb Burglar"
8.00 SERIKANDI
Antara kandongan Serikandi kali ini ia-lah mengenai
1. Temu ramah dengan Dayang Saleha Ahmad yang memileki sabuah kedai memotong pakaian.
2. Cheramah kesihatan siri V.
3. Masakan Pudding Cornflakes oleh Dayang Nor Udin.

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 ARENA SOKAN — Rugby 7's (tujoh orang sa-pasokan).
9.45 HAWAII FIVE O — "The Flip Side is Death" Satu rompakan bank yang berani dijalankan dengan pura2 mengadakan perentah dharurat ketenteraan.
10.35 WARSHIP — "Under the Surface" Kapal Hero menjalankan satu operasi dengan kapal selam dan kapten kapal itu menyedari bahawa ia perlu belajar dengan lebeh mendalam mengenai peperangan di-dasar lautan.
11.25 SIARAN TAMAT.

### SELASA — 18HB. APRIL,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SESAME STREET — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 NANCY DREW/HARDY BOYS MYSTERIES
8.00 KEBUN KITA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 KOJAK — "Once More From Birdland"
9.55 TANDARRA — "Your Money Or Your Wife". Apabila sa-orang kawan lama munchol dan menyangka Joe Brady memiliki "Tandarra", yang lain2 turut berjenaka mendengarkannya. Tetapi bila Jessica di-cholek, baru-lah mereka bersikap serious.
10.45 SIARAN TAMAT.



**Pudding Cornflakes — masakan yang akan di-tunjokan chara membuat-nya dalam ruangan SERIKANDI pada hari Isnin.**

# RADIO ENGLISH PROGRAMMES

**WEDNESDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30—Midweek Greeting by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

**THURSDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30 — Close Down.

**FRIDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Talking About Music; 8.30—Light Music From The Netherlands; 8.45 — Listener's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — The Morecambe and Wise Show; 10.15 — A Date with . . .; 10.30 —Close Down.

**SATURDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Talking About Music (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00— The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

**SUNDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.00—Top of The Pops (repeat). NOON: 12.00 — The Morecambe and Wise Show; 12.30 — News; 12.45 — World of Education; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Home To Roost; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Bob Kay produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

**MONDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Home To Roost (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Get Away — travels from Brunei; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.47 — Rugby 7's; 9.45 — News; 10.00 — Thirty-Minute Theatre: "How love came to professor Guildea"; 10.30 — Close Down.

**TUESDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Graham Parker and the Rumor" Side 2; 8.30 — It's All Yours by Veronica Shim; 9.00 — From Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30—Hello Tomorrow; 10.30 Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

# PERLAWANAN HOKI: KELAB PEGAWAI DAN AMDB JOHAN BERSAMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelab Pegawai dan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menjadi Johan Bersama dalam perlawanan akhir hoki antara pasokan2 hoki di-Daerah Brunei dan Muara yang di-langsongkan di-sini baru2 ini.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Hoki Daerah Brunei dan Muara sa-bagai projek tahunan-nya.







Gambar sebelah kanan sa-kali, Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Kolonel Norman Roberts, telah menyampaikan oskar rebutan yang telah di-terima oleh ketua pasokan hoki Kelab Pegawai dan AMDB.

Gambar ramai kelihatan Pasokan Kelab Pegawai (atas) dan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei (bawah baju beragi) sementara gambar bawah memperlihatkan permainan sedang di-jalankan dengan ranchak antara kedua2 pasokan yang berakhir seri 0-0.

Negeri Brunei telah juga menjadi johan hoki antara tiga wilayah tahun 1977 yang lalu yang telah dilangsongkan di-Miri, Sarawak. Pada tahun ini, pertandingan hoki antara tiga wilayah, Sarawak, Sabah dan Brunei belum lagi diketahui sa-takat ini.



## Lantekan ketua penuntut S.B.S.S.R. dan P.L.T.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu mashuarat telah di-adakan untok melantek ketua2 penuntut bagi Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal dan Pusat Latehan Teknik, Jalan Muara, bulan lalu.

Pengawas Kebajikan dan Kesejahteraan, Awang Timbang bin Abdul Halim dalam kata alu2an-nya menyatakan bahawa perlantekan ketua2 penuntut itu akan membuat perubahan2 sikap penuntut2 supaya lebeh bertanggong-jawab dan menyelesaikan masaalah mereka sendiri.

Kata-nya, dengan perlantekan ketua2 penuntut itu juga berharap akan dapat membuat usaha2 berkebajikan mengikut bahagian masing2 yang terdaya akan dapat di-laksanakan saperti di-bidang pelajaran, ugama, kebajikan, sosial dan sokan.

Penuntut2 yang telah dipileh menjadi ketua2 penuntut bagi tahun 1978 ini ada-lah saperti berikut:—

Ketua Penuntut: Awg Muhammad b Salleh (SBSSR), Pen Ketua Penuntut: Ak Ali b Pg Muhammad (PLTB); Setia Usaha: Awg Hassan b Duraman (SBSSR), Pen Setia Usaha: Ak Jamaludin b Pg Muhammad (PLTB); Ketua Permakanan: Ak Karim b Pg Metassan (SBSSR), Pen Ketua Permakanan: Ak Su'ud b Pg Abdullah (PLTB); Ketua Kebajikan dan Sosial: Zakaria b Tarif (SBSSR), Pen Ketua Kebajikan dan Sosial: Abd Razak b Abd Ghani (PLTB); Ketua Sokan: Ali b Timbang (SBSSR), Pen Ketua Sokan: Ak Sulaiman b Pg Muhammad (PLTB); Ketua Kesenian dan Kebudayaan: Ag Amili b Hj Md Yusof (SBSSR), Pen Ketua Kesenian dan Kebudayaan: Dk Azizah bte Pg Md Said (PLTB); Ketua Pelajaran dan Ugama: Ishak b Hj Manaf (SBSSR), Pen Ketua Pelajaran dan Ugama: Dy Norsadah bte Basuni (PLTB) dan Ketua Am (Penuntut2 Perempuan): Dayang Azizah bte Amp Sulaiman (PLTB).

## Brunei juara perlawanan ragbi tiga wilayah

BANDAR SERI BEGAWAN.—Brunei telah munchol sa-bagai juara dalam pertandingan ragbi antara tiga wilayah yang telah diadakan di-sini minggu lalu.

Di-hari pertama, Brunei telah mengalahkan pasokan Sarawak dengan 25 mata tidak berbalas dan di-hari kedua Brunei sa-kali lagi mengalahkan pasokan Sabah dengan 57 mata berbalas 3.

Dalam pertandingan berikut-nya bagi menentukan tempat kedua dan ketiga, pasokan Sarawak telah mengalahkan pasokan Sabah dengan 50 mata berbalas 3.

Pasokan Brunei telah memenangi piala rebutan yang telah di-korniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Brunei juga telah memenangi perlawanan tersebut pada tahun lepas.



Gambar menunjokkan salah satu perlawanan ragbi tiga wilayah pada minggu lalu.

## Perlawanan badminton

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan akan menganjorkan perlawanan badminton terbuka kapada pemain2 yang berumor 14 dan 20 tahun dari sekolah2, maktab2, badan2 kebajikan dan Persatuan2 belia di-seluroh negeri.

Borang2 untok menyertai perlawanan itu boleh di-dapati dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan di-sini dan hendaklah di-kembalikan tidak lewat pada 20hb April ini.

Ada-lah di-fahamkan bahawa perlawanan tersebut dijangka akan di-mulakan pada 1hb Mei depan.

## Kolam berenang di-tutop

Sementara itu di-nyatakan bahawa Kolam Berenang di-Kampong Anggrek Desa, Berakas, terus di-tutup kapada orang ramai untok sa-lama beberapa minggu lagi dan dijadualkan akan di-buka samula dalam bulan Jun depan.

Sa-orang juruchakap dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan berkata penutupan tersebut bagi membolehkan kerja2 penyelenggaraan ka-atas alat penapisan kolam.

Kerja2 membaiki pam kolam dan lain2 telah siap di-jalankan dan ini merupakan kerja2 membaiki sa-cara besar2an dijalankan ka-atas kolam itu sejak tahun 1968.

Kolam tersebut ada-lah dibawah pengawasan Jabatan Bandaran sa-belum ia-nya diserahkan kapada Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dalam tahun 1974 yang lalu.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-PASOKAN ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada cholan2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**1. PEMEREKSA BUROH :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah berumor antara 25 tahun hingga 35 tahun dan mesti-lah:—

a) Telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama lapan tahun dan lulus Tingkatan IV Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

Atau

b) Telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama lima tahun dan lulus Peperéksaan Jabatan bagi Pemereksa2 Buroh.

Atau

c) Pernah bekerja sa-bagai Pegawai Buroh di-Jabatan Askar Melayu Diraja Brunei dan mempunyai pengalaman sekurang2-nya lima tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

**2. GURU BAHASA :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

